

## Pejabat RCSEd pertama dunia

**KUALA LUMPUR 17 Jan.** - Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mencipta sejarah baharu dalam dunia perubatan apabila kerjasama dengan Kolej Diraja Pakar Bedah Edinburgh (RCSEd) berjaya menyaksikan pembukaan pejabat antarabangsa kolej ternama itu yang pertama di dunia sejak 513 tahun penubuhannya di negara ini.

Perasmian pejabat antarabangsa yang terletak di Advanced Surgical Skills Centre (ASSC), Hospital Canselor Tunku Mukhriz, Pusat Perubatan UKM (HCTM PPUKM) itu disempurnakan oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir.

Naib Canselor UKM, Profesor Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali berkata, ASSC akan bertindak sebagai hab bagi sebarang aktiviti RCSEd termasuk pendidikan, latihan, program penilaian serta kerja-kerja amal di rantau ASEAN.

Katanya, antara yang akan diberi perhatian adalah pembedahan-pembedahan digital berteknologi tinggi seperti pembedahan robotik, laparoskopik, tiga dimensi (3D) dan beberapa lagi teknologi baharu dalam bidang perubatan.

"Pusat ini akan melatih pakar bedah menggunakan teknologi termaju sejajar dengan Revolusi Perindustrian 4.0 dan kita berharap kerjasama antara UKM

HARGA RUNCIT PRODUK PETROLEUM	
18 JANUARI - 24 JANUARI 2018	
PRODUK	HARGA/LITER
RON97	RM2.57
RON95	RM2.30
DIESEL	RM2.32

EFEKTIF PUKUL: 12.01 TENGAH MALAM

dan RCSEd ini akan melahirkan pakar bedah berkemahiran tinggi di samping dapat menghasilkan penemuan-penemuan baharu yang besar.

"Untuk permulaan, kami bangga untuk mengumumkan bahawa setakat ini kita mempunyai 600 ahli RCSEd warga Malaysia sebagai sebahagian daripada kolej kita," katanya dalam ucapan semasa majlis perasmian pejabat antarabangsa RCSEd di sini hari ini.

Turut berangkat sama ialah Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud.

Hadir sama ialah Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah dan Presiden RCSEd, Profesor Michael Lavelle Jones.



**TUANKU MUHRIZ TUANKU MUNAWIR** menyempurnakan perasmian pejabat Kolej Diraja Pakar Bedah Edinburgh di PPUKM, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ MOHD. NAJIB MOHD. NOR